

KERTAS PERINTAH 23 TAHUN 2017



MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/NEGARA MENURUT

PERINTAH

PENYATA DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN MENGENAI ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2018

PENDAHULUAN

Penyata ini dikemukakan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 2017 bersama-sama dengan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017. Ia menunjukkan ringkasan jumlah anggaran bagi Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2018. Kedua-dua anggaran tersebut ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan (B/P) yang sama bagi sesuatu Kementerian dan Jabatan.

JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN 2018

2. Anggaran perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM282.25 bilion. Sejumlah RM234.25 bilion atau 83% adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM48 bilion atau 17% (termasuk RM2 bilion bagi Simpanan Luar Jangka) adalah untuk

Perbelanjaan Pembangunan. Anggaran perbelanjaan mengikut maksud-maksud perbelanjaan adalah seperti di **LAMPIRAN A** bagi Perbelanjaan Mengurus, **LAMPIRAN B** bagi Perbelanjaan Pembangunan dan **LAMPIRAN C** mengikut pengagihan sektor utama.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

3. Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM234.25 bilion di mana sebanyak RM61.32 bilion atau 26.2% adalah untuk Perbelanjaan Tanggungan dan sebanyak RM172.93 bilion atau 73.8% adalah untuk Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud “Tanggungan (T)” adalah merupakan perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang Persekutuan lain yang berkuatkuasa dan ditunjukkan di dalam anggaran di bawah Maksud T.1 hingga T.14. Peruntukan tersebut adalah termasuk RM30.88 bilion di bawah Maksud T.13 bagi Perbelanjaan Kerana Hutang Negara, RM24 bilion di bawah Maksud T.14 bagi Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran serta RM6.29 bilion di bawah Maksud T.12 bagi Pemberian dan Serahan kepada Negeri-negeri. Butiran Perbelanjaan Bekalan seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud “Bekalan (B)” adalah peruntukan bagi membiayai perbelanjaan mengurus termasuk pelaksanaan program dan aktiviti oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensinya di bawahnya dan ditunjukkan di dalam anggaran di bawah Maksud B.1 hingga B.64.

4. Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2018 sebanyak RM234.25 bilion ini telah dikategori dan dikodkan di bawah Objek-objek Am mengikut 1PP PS 1.1 Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan seperti ditunjukkan dalam Jadual I:-

JADUAL I

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS 2018 MENGIKUT OBJEK AM

Objek Am	Butiran	Anggaran Mengurus 2018 (RM juta)	Peratus Daripada Anggaran (%)
(1)	(2)	(3)	(4)
10000	Emolumen	79,149	33.8
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	33,620	14.4
30000	Aset	577	0.2
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	119,822	51.1
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,082	0.5
	JUMLAH	234,250	100.0

5. Penjelasan mengenai peruntukan yang disediakan untuk kementerian berdasarkan anggaran perbelanjaan terbesar adalah seperti berikut: -

i. **Kementerian Pendidikan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pendidikan adalah berjumlah RM44.51 bilion iaitu 19% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2018. Sebahagian besar daripada peruntukan ini iaitu RM36.62 bilion (82.3%) adalah untuk bayaran emolumen. Dari segi program utama, RM17.35 bilion bagi Program Pendidikan Rendah, RM17.24 bilion bagi Program Pendidikan Menengah, RM760.6 juta disediakan bagi Program Pendidikan Awal (Prasekolah) dan RM444.3 juta bagi Pendidikan Lepas Menengah.

ii. **Kementerian Kewangan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Kementerian Kewangan yang terdiri daripada Maksud B.10, B.11 dan B.12 adalah berjumlah RM33.02 bilion iaitu 14.1% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2018. Peruntukan di bawah Maksud B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan menerima jumlah peruntukan terbesar iaitu sebanyak RM26.83 bilion. Jumlah ini termasuk Subsidi dan Bantuan Tunai sebanyak RM9.57 bilion. Sebanyak RM4.52 bilion diperuntukkan di bawah Maksud B.10 untuk membiayai keperluan Perbelanjaan Mengurus bagi Perbendaharaan termasuk Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun di bawah Maksud B.12 berjumlah RM1.66 bilion antaranya termasuk Kumpulan Wang Rizab Negeri (RM730 juta), Kumpulan Wang Persaraan (RM500 juta), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (RM116 juta) dan Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (RM60 juta).

iii. **Kementerian Kesihatan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kesihatan adalah sebanyak RM24.74 bilion iaitu 10.7% daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus tahun 2018. Peruntukan ini termasuk RM15.07 bilion bagi membiayai perbelanjaan emolumen dan RM9.27 bilion bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan seperti pembelian ubat, bahan pakai buang, penyelenggaraan dan utiliti.

iv. **Kementerian Pertahanan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pertahanan adalah berjumlah RM12.57 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini iaitu RM7.34 bilion adalah untuk membiayai emolumen manakala bakinya adalah untuk perolehan bekalan termasuk pakaian seragam, rangsum, sewaan, peluru dan bahan api, penggantian peralatan serta menampung perbelanjaan penyelenggaraan pesawat, kapal, kem, kuarters dan peralatan lain.

v. **Kementerian Dalam Negeri**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Dalam Negeri adalah berjumlah RM12.5 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM8.2 bilion disediakan bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara (RM861.3 juta), Jabatan Imigresen (RM794.4 juta), Jabatan Pendaftaran Negara (RM417.8 juta), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (RM327.9 juta), pengurusan Kementerian Dalam Negeri (RM311.1 juta), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) (RM112.9 juta) serta Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RM23.3 juta).

vi. **Kementerian Pendidikan Tinggi**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pendidikan Tinggi adalah berjumlah RM10.96 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini iaitu RM7.73 bilion atau 70.5% adalah untuk membiayai geran operasi Universiti Awam dan Hospital Pengajar. Manakala bakinya adalah untuk membiayai operasi Kementerian, Kolej Komuniti, Politeknik dan Agensi Kelayakan Malaysia.

vii. **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah berjumlah RM5.61 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah bagi membiayai program di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), pemantapan kepimpinan masyarakat luar bandar, peningkatan taraf hidup Orang Asli serta pembangunan luar bandar dan wilayah.

viii. **Jabatan Perdana Menteri**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan agensi-agensi di bawahnya adalah berjumlah RM5.22 bilion. Antara perbelanjaan utama adalah sebanyak RM810.9 juta untuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) (RM536.6 juta), pentadbiran JPM (RM520.1 juta), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) (RM410.8 juta), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (RM358.6 juta) dan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) (RM273 juta).

ix. **Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah berjumlah RM2.98 bilion. Antara program utama yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah Pengurusan Sisa Pepejal Negara dengan peruntukan sebanyak RM1.25 bilion serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang diperuntukkan sebanyak RM908.5 juta.

x. **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah berjumlah RM3.76 bilion. Sebanyak RM1.96 bilion diperuntukkan untuk pelbagai subsidi, insentif, bantuan dan elaun yang terdiri daripada Subsidi Harga Padi, Subsidi Baja Padi, Subsidi Baja Padi Bukit/Huma, Subsidi Benih Padi Sah, Insentif Pengeluaran Padi, Insentif Hasil Tangkapan Nelayan dan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat. Manakala sebanyak RM930.3 juta disediakan sebagai pemberian kepada badan-badan berkanun di bawah kementerian.

6. Butir-butir terperinci mengenai cadangan peruntukan mengikut program dan aktiviti bagi setiap Maksud Perbelanjaan Mengurus adalah seperti di dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

7. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2018 seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud "Pembangunan (P)" adalah berjumlah RM48 bilion. Jumlah ini adalah termasuk RM2 bilion bagi Simpanan Luar Jangka di bawah Maksud P.70. Sebanyak RM44.4 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan langsung manakala RM1.6 bilion adalah dalam bentuk pinjaman.

8. Pengagihan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan mengikut sektor utama adalah seperti berikut:-

i. **Sektor Ekonomi**

Peruntukan bagi **sektor ekonomi** adalah berjumlah RM26.34 bilion iaitu 54.9% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2018. Sebanyak RM10.48 bilion adalah untuk pengangkutan, RM4.15 bilion untuk perdagangan dan perindustrian, RM3.61 bilion untuk kewangan, RM2.75 bilion untuk tenaga dan kemudahan-kemudahan awam, RM2.52 bilion untuk pertanian dan pembangunan luar bandar, RM2.01 bilion untuk alam sekitar, RM655.7 juta untuk penyelidikan dan pembangunan, RM104.5 juta untuk perhubungan, RM33.5 juta untuk membiayai kajian kemungkinan dan RM29.2 juta untuk membiayai pembangunan sumber-sumber galian.

Sebanyak RM10.48 bilion disediakan untuk **pengangkutan**. Daripada jumlah ini, RM6.75 bilion adalah untuk melaksanakan projek-projek jalan raya dan jambatan dan RM3.39 bilion adalah untuk membiayai projek-projek kereta api dan transit laju. Sebanyak RM244 juta adalah disediakan untuk penerbangan awam dan RM92.1 juta untuk projek-projek pelabuhan dan perkhidmatan laut.

Sebanyak RM4.15 bilion disediakan untuk **perdagangan dan perindustrian**. Daripada jumlah ini, RM2.4 bilion adalah untuk pembangunan aktiviti perindustrian, RM662.6 juta adalah untuk pembangunan keusahawanan, RM411.6 juta untuk pembangunan perniagaan, RM327.8 juta untuk perusahaan kecil dan sederhana (IKS), RM227.9 juta untuk pembangunan sektor pelancongan, RM122.1 juta untuk perdagangan dan RM1.3 juta untuk pemasaran.

Sebanyak RM2.75 bilion disediakan untuk **tenaga dan kemudahan-kemudahan awam**. Daripada jumlah ini, RM1.21 bilion adalah untuk bekalan air, RM983.9 juta

untuk bekalan elektrik, RM497.1 juta untuk perkhidmatan pembetungan dan RM55.2 juta untuk rancangan saliran.

Sebanyak RM2.52 bilion disediakan untuk **pertanian dan pembangunan luar bandar**. Daripada jumlah ini, sebanyak RM2.12 bilion adalah untuk membiayai pelbagai industri pertanian seperti skim bantuan aktiviti pelbagai pertanian, RM184.6 juta untuk program-program perikanan, RM97.1 juta untuk membiayai program khidmat sokongan, RM64.6 juta untuk pembangunan tanah dan wilayah serta RM60.6 juta untuk ternakan.

Sebanyak RM2.01 bilion disediakan untuk **alam sekitar**. Daripada jumlah ini, RM1.86 bilion bagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta RM154.3 juta adalah bagi pengawalan kualiti alam sekitar.

Sebanyak RM3.61 bilion disediakan untuk **kewangan** bagi membiayai pelbagai suntikan modal dan dana fasilitasi.

Sejumlah RM655.7 juta disediakan untuk **penyelidikan dan pembangunan**. Daripada jumlah ini, RM346.4 juta untuk projek-projek strategik, RM153.6 juta untuk penjanaaan aktiviti-aktiviti perindustrian, RM101.2 juta adalah untuk membiayai projek-projek sains dan sosial serta RM54.4 juta untuk penjanaaan aktiviti-aktiviti pertanian.

Sejumlah RM29.2 juta disediakan bagi **pembangunan sumber-sumber galian**. Daripada jumlah ini, RM28.7 juta untuk membiayai aktiviti penyiasatan kajibumi dan sebanyak RM500 ribu untuk membiayai sumber galian.

Sejumlah RM104.5 juta disediakan untuk **perhubungan**. Daripada jumlah ini, RM54 juta untuk perkhidmatan kaji cuaca dan RM50.5 juta adalah untuk perkhidmatan telekomunikasi.

Baki peruntukan sektor ekonomi sebanyak RM33.5 juta disediakan untuk **kajian kemungkinan**.

ii. **Sektor Sosial**

Sebanyak RM11.72 bilion atau 24.4% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2018 disediakan untuk **sektor sosial**. Daripada jumlah ini, sebanyak RM5.26 bilion adalah bagi **pendidikan dan latihan**, khususnya untuk menyediakan kemudahan pendidikan dan latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi lain.

Sebanyak RM1.91 bilion disediakan bagi perkhidmatan **kesihatan dan kependudukan** untuk membiayai projek-projek pembinaan dan naik taraf klinik desa, pusat kesihatan dan hospital. Sebanyak RM1.79 bilion untuk membiayai projek-projek **pembangunan kampung dan masyarakat**. Sebanyak RM1.17 bilion disediakan untuk **perumahan** bagi membiayai projek-projek termasuk Program

Perumahan Rakyat, perumahan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia serta kuarters kakitangan awam.

Sejumlah RM691.6 juta untuk **majlis-majlis tempatan, perkhidmatan kebajikan dan masyarakat**, RM404.3 juta untuk membiayai aktiviti-aktiviti **kebudayaan, warisan, belia dan sukan**, RM365.9 juta untuk membiayai projek-projek **kebajikan masyarakat, perpaduan negara dan Orang Asli**, sebanyak RM136.9 juta untuk membiayai kegiatan-kegiatan **penerangan dan penyiaran** serta sebanyak RM1 juta untuk **pembelian tanah**.

iii. **Sektor Keselamatan**

Sebanyak RM5.21 bilion atau 10.9% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 disediakan bagi **sektor keselamatan**. Jumlah ini adalah untuk membiayai projek-projek **pertahanan** sebanyak RM3.84 bilion dan **keselamatan dalam negeri** sebanyak RM1.37 bilion.

iv. **Sektor Pentadbiran**

Sektor pentadbiran disediakan sebanyak RM2.72 bilion atau 5.6% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018. Sebanyak RM2.6 bilion adalah bagi **perkhidmatan-perkhidmatan am** manakala baki sebanyak RM121.7 juta adalah bagi **pembaikan dan pengubahsuaian**. Peruntukan ini adalah untuk pembinaan, pengubahsuaian dan pembaikan bangunan pejabat Kerajaan, perolehan sistem dan peralatan komputer serta kemudahan-kemudahan pentadbiran yang lain.

9. Butir-butir terperinci mengenai cadangan peruntukan mengikut butiran bagi setiap Maksud Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti di dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017.

KEMENTERIAN KEWANGAN,
MALAYSIA,
PUTRAJAYA.

27 Oktober 2017

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2018 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2018**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
T.1	Peruntukan Diraja Bagi S.P.B Yang di-Pertuan Agong	13,533,000
T.2	Elaun-elaun Diraja	1,570,000
T.3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	112,000,000
T.4	Ketua Audit Negara	925,800
T.5	Yang di-Pertua Dewan Rakyat	1,980,900
T.6	Yang di-Pertua Dewan Negara	1,718,600
T.7	Suruhanjaya Pilihan Raya	2,250,100
T.8	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	11,000
T.9	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	7,785,000
T.10	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	5,400,000
T.11	Suruhanjaya Pasukan Polis	2,096,400
T.12	Perbendaharaan	6,289,039,900
T.13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	30,882,466,200
T.14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	24,000,000,000
JUMLAH PERBELANJAAN TANGGUNGAN		61,320,776,900

JABATAN PERDANA MENTERI

B.1	Parlimen	125,172,700
B.2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	2,522,000
B.3	Jabatan Audit Negara	146,958,900
B.4	Suruhanjaya Pilihan Raya	370,665,300
B.5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	37,491,400
B.6	Jabatan Perdana Menteri	5,215,264,000
B.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	1,981,807,500
B.8	Jabatan Peguam Negara	148,892,100
B.9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	242,134,500
B.40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	16,803,100

KEMENTERIAN KEWANGAN

B.10	Perbendaharaan	4,520,672,200
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	26,832,774,000
B.12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,664,900,100

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

B.13	Kementerian Luar Negeri	616,677,700
------	-------------------------	-------------

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

B.20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	441,074,200
------	---	-------------

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2018 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2018**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	
B.21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	3,759,183,400
	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	
B.22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	5,614,038,900
	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	
B.23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,082,798,900
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	
B.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	468,582,400
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN	
B.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	1,347,679,800
	KEMENTERIAN KERJA RAYA	
B.27	Kementerian Kerja Raya	2,004,642,400
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	
B.28	Kementerian Pengangkutan	1,505,085,600
	KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR	
B.29	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	253,990,800
	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	
B.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	589,450,300
	KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN	
B.31	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	810,296,000
	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	
B.32	Kementerian Wilayah Persekutuan	288,360,700

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2018 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2018**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
B.42	Kementerian Kesihatan	24,736,883,700
	KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	
B.43	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,979,771,100
	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	
B.45	Kementerian Belia dan Sukan	451,565,900
	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	
B.46	Kementerian Sumber Manusia	806,990,800
	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA	
B.47	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1,293,333,200
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	
B.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2,033,629,500
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
B.60	Kementerian Pertahanan	12,565,774,500
	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	
B.62	Kementerian Dalam Negeri	12,497,545,400
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
B.63	Kementerian Pendidikan	44,513,871,900
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	
B.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	10,962,387,200
	JUMLAH PERBELANJAAN BEKALAN	172,929,672,100
	JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	234,250,449,000

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2018**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>ANGGARAN 2018</i>		
		<i>CARA LANGSUNG</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3) RM</i>	<i>(4) RM</i>	<i>(5) RM</i>
JABATAN PERDANA MENTERI				
P.6	Jabatan Perdana Menteri	12,214,034,800	-	12,214,034,800
P.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	46,100,000	-	46,100,000
KEMENTERIAN KEWANGAN				
P.10	Perbendaharaan	1,259,911,500	30,000,000	1,289,911,500
KEMENTERIAN LUAR NEGERI				
P.13	Kementerian Luar Negeri	123,996,300	-	123,996,300
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI				
P.20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	431,470,000	65,876,500	497,346,500
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI				
P.21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	1,378,536,200	50,000,000	1,428,536,200
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH				
P.22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	3,613,732,400	255,310,300	3,869,042,700
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR				
P.23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,444,435,400	-	1,444,435,400
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI				
P.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	1,197,462,500	41,163,800	1,238,626,300
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN				
P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	90,158,800	-	90,158,800

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2018**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>ANGGARAN 2018</i>		
		<i>CARA LANGSUNG</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3) RM</i>	<i>(4) RM</i>	<i>(5) RM</i>
	KEMENTERIAN KERJA RAYA			
P.27	Kementerian Kerja Raya	3,266,461,900	497,000,000	3,763,461,900
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN			
P.28	Kementerian Pengangkutan	2,970,965,300	-	2,970,965,300
	KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR			
P.29	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	897,960,500	656,535,700	1,554,496,200
	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI			
P.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	521,555,500	-	521,555,500
	KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN			
P.31	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	188,869,300	-	188,869,300
	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN			
P.32	Kementerian Wilayah Persekutuan	914,424,300	-	914,424,300
	KEMENTERIAN KESIHATAN			
P.42	Kementerian Kesihatan	1,845,055,100	-	1,845,055,100
	KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN			
P.43	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,451,267,700	-	1,451,267,700
	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN			
P.45	Kementerian Belia dan Sukan	401,939,800	-	401,939,800
	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA			
P.46	Kementerian Sumber Manusia	487,842,500	-	487,842,500

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2018**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>ANGGARAN 2018</i>		
		<i>CARA LANGSUNG</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3) RM</i>	<i>(4) RM</i>	<i>(5) RM</i>
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA				
P.47	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	485,346,200	-	485,346,200
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT				
P.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	189,317,800	-	189,317,800
KEMENTERIAN PERTAHANAN				
P.60	Kementerian Pertahanan	3,297,000,000	-	3,297,000,000
KEMENTERIAN DALAM NEGERI				
P.62	Kementerian Dalam Negeri	1,302,836,300	-	1,302,836,300
KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
P.63	Kementerian Pendidikan	1,448,534,400	-	1,448,534,400
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI				
P.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	2,934,899,200	-	2,934,899,200
JUMLAH		44,404,113,700	1,595,886,300	46,000,000,000
SIMPANAN LUAR JANGKA				
P.70	Simpanan Luar Jangka			2,000,000,000
JUMLAH BESAR				48,000,000,000

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2018

Sektor (1)	Anggaran Mengurus (RM juta) (2)	Anggaran Pembangunan (RM juta) (3)	Jumlah Anggaran (RM juta) (4)	Peratus Daripada Jumlah (5)
I. EKONOMI	<u>20,494.2</u>	<u>26,341.5</u>	<u>46,835.8</u>	<u>16.6</u>
a. Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	4,247.1	2,522.6	6,769.7	2.4
b. Pembangunan Sumber-sumber Galian	103.5	29.2	132.6	0.0
c. Perdagangan dan Perindustrian	6,242.9	4,148.9	10,391.8	3.7
d. Pengangkutan	6,562.7	10,478.8	17,041.5	6.0
e. Perhubungan	101.5	104.5	206.0	0.1
f. Tenaga dan Kemudahan-kemudahan Awam	329.4	2,745.8	3,075.1	1.1
g. Kajian Kemungkinan	0.0	33.5	33.5	0.0
h. Penyelidikan dan Pembangunan	424.5	655.7	1,080.1	0.4
i. Kewangan	2,350.9	3,609.5	5,960.4	2.1
j. Alam Sekitar	131.9	2,013.1	2,145.0	0.8
II. SOSIAL	<u>89,918.8</u>	<u>11,719.9</u>	<u>101,638.7</u>	<u>36.0</u>
a. Pendidikan dan Latihan	56,385.1	5,256.4	61,641.5	21.8
b. Kesihatan dan Kependudukan	24,975.4	1,909.9	26,885.3	9.5
c. Penerangan dan Penyiaran	1,293.5	136.9	1,430.4	0.5
d. Perumahan	35.9	1,167.1	1,203.0	0.4
e. Kebudayaan, Warisan, Belia dan Sukan	599.1	404.3	1,003.4	0.4
f. Majlis-majlis Tempatan, Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat	4,151.5	691.6	4,843.2	1.7
g. Pembangunan Kampung dan Masyarakat	255.1	1,786.9	2,041.9	0.7
h. Pembelian Tanah	0.0	1.0	1.0	0.0
i. Kebajikan Masyarakat, Perpaduan Negara dan Orang Asli	2,223.1	365.9	2,589.0	0.9

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2018

Sektor (1)	Anggaran Mengurus (RM juta) (2)	Anggaran Pembangunan (RM juta) (3)	Jumlah Anggaran (RM juta) (4)	Peratus Daripada Jumlah (5)
III. KESELAMATAN	<u>26,179.7</u>	<u>5,214.4</u>	<u>31,394.1</u>	<u>11.1</u>
a. Pertahanan	12,565.8	3,842.0	16,407.8	5.8
b. Keselamatan Dalam Negeri	13,613.9	1,372.4	14,986.3	5.3
IV. PENTADBIRAN AM	<u>16,078.5</u>	<u>2,724.1</u>	<u>18,802.7</u>	<u>6.7</u>
a. Perkhidmatan-perkhidmatan Am	14,785.9	2,602.5	17,388.4	6.2
b. Perkhidmatan Luar Negeri	625.7	0.0	625.7	0.0
c. Bayaran Balik dan Bayaran Ganti	667.0	0.0	667.0	0.2
d. Pembaikan dan Pengubahsuaian	0.0	121.7	121.7	0.2
V. TANGGUNGAN TERTENTU	<u>55,649.6</u>	<u>0.0</u>	<u>55,649.6</u>	<u>19.7</u>
a. Pencen dan Ganjaran	24,528.3	0.0	24,528.3	8.7
b. Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	30,882.5	0.0	30,882.5	10.9
c. Tanggungan-tanggungan Lain	238.9	0.0	238.9	0.1
VI. BAYARAN PINDAHAN	<u>25,929.6</u>	<u>0.0</u>	<u>25,929.6</u>	<u>9.2</u>
a. Pemberian dan Pinjaman Kepada Negeri	3,025.0	0.0	3,025.0	1.1
b. Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	850.0	0.0	850.0	0.3
c. Caruman Lain	134.2	0.0	134.2	0.0
d. Bayaran Pindahan Lain	21,920.4	0.0	21,920.4	7.8
VII. SIMPANAN LUAR JANGKA	<u>0.0</u>	<u>2,000.0</u>	<u>2,000.0</u>	<u>0.7</u>
JUMLAH	<u>234,250.4</u>	<u>48,000.0</u>	<u>282,250.4</u>	<u>100.0</u>

CATATAN : Klasifikasi mengikut sektor dalam jadual di atas adalah menurut klasifikasi yang lazim dipakai bagi perbelanjaan Kerajaan dan terdiri daripada pelbagai Maksud Perbelanjaan yang boleh menyebabkan jumlah peruntukan yang ditunjukkan mungkin berbeza dengan jumlah peruntukan yang ditunjukkan di bawah Maksud-Maksud Perbelanjaan bagi Kementerian/Jabatan yang terdapat dalam Buku Anggaran Perbelanjaan.

COMMAND PAPER 23 OF 2017



MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/NEGARA MENURUT

PERINTAH

MINISTRY OF FINANCE STATEMENT OF THE FEDERAL EXPENDITURE ESTIMATES FOR 2018

INTRODUCTION

This statement is presented as Command Paper 23 of 2017 together with the Federal Expenditure Estimates 2018 that is tabled as Command Paper 24 of 2017. It provides a summary of the total Estimates of the Operating and Development Expenditures for the year 2018. Both estimates are shown under the same Purposes of Expenditure (B/P) for every Ministry and Department.

TOTAL EXPENDITURE ESTIMATES 2018

2. The total Expenditure Estimates proposed for the year 2018 is RM282.25 billion. Out of this, a sum of RM234.25 billion or 83% is proposed for Operating Expenditure while RM48 billion or 17% (including a provision of RM2 billion for Contingencies Reserve) is for Development Expenditure. The breakdown of the proposed Estimates by purposes of

expenditure is as in **APPENDIX A** for Operating Expenditure, **APPENDIX B** for Development Expenditure and **APPENDIX C** by major sectors of expenditure.

